



Tip Ajar Anak Tentang MEMAAFAN

SALAH FAHAM DAN PERCANGGAHAN PENDAPAT SERTA TINDAKAN SERING KALI BERLAKU DALAM ROTASI KEHIDUPAN. TIDAK KIRA DALAM PERINGKAT USIA MANA PUN, 'KETEGANGAN' INI PASTI ADA KETIKANYA PERLU DITEMPUHI TIDAK TERKECUALI ANAK-ANAK ANDA.

Maka sebab itu, hanya ungkapan serta tindakan maaf sahaja akan membawa kepada penyelesaian masalah. Bak kata pepatah Melayu, 'buang yang keruh ambil yang jernih', tindakan ini akan mewujudkan kitaran positif dalam rantaian berhubungan silaturahim.

Merebut peluang psikologi anak yang masih boleh dibentuk mengikut acuan murni, cuba terapkan nilai mudah meluahkan dan memberi kemaafan sejak dari kecil menerusi tujuh cara penuh hikmah berikut:

PERBALAHAN ADIK-BERADIK
PERGADUHAN 'manja' antara adik-beradik adalah suatu perkara biasa dan menjadi antara platform untuk merangsang minda anak berkembang matang. Namun jika dibiarkan tanpa pantauan dan penyelesaian, perbalahan boleh membawa kepada permasalahan. Sebagai ibu bapa anda perlu 'mencelah' dengan memberi motivasi dan ajarkan anak untuk berjabat tangan apabila tamat ketegangan.

KEMAAFAN TIDAK BERSYARAT
KEMAAFAN perlu dilontarkan tidak kira seseorang itu rela atau sebaliknya. Biar apa pun keadaannya, permohonan kemaafan itu perlu diterangkan agar anak merasa lebih tenang dan tidak terbeban dengan kesalahan yang dilakukannya walaupun permohonan maaf itu tidak berbalas positif dalam masa terdekat.

TIDAK ADA SIAPA MENANG KALAH
APABILA anak menerima permohonan maaf daripada seseorang ajarkan anak untuk menerimanya dengan nada yang berhemah. Hindari membiarkan ego yang berbangkit. "Kan saya dah kata..." atau "Saya tahu perkara ini akan berlaku, tetapi apa pun saya memaafkan awak." Hal ini kerana, dialog sebegini akan membajai diri anak untuk berasa megah diri mahupun melihat seseorang yang memohon maaf kelihatan lemah.

TIDAK PERLU MEMAFAKAN
MEMBERI kemaafan seharusnya tidak bersyarat. Misalnya, "Jika awak kemaskan katil untuk minggu hadapan, saya maafkan kesalahan awak." Sekiranya situasi ini terjadi ia tidak lagi bertunjangan tujuan sebenar (untuk memaafkan), sebaliknya bertukar menjadi ugutan. Anda perlu ingatkan anak bahawa memaafkan tidak memerlukan sebarang reward kerana ia perlu dilakukan seikhlas hati.

13 MASA MENENTUKAN HATI
HATI anak terluca sememangnya bukan mudah untuk dipulihkan. Walaupun anak masih kecil, ibu bapa harus mendengar suara hati anak yang tercalar. Lebih jelas anda tidak seharusnya memaksa anak memaafkan seseorang. Pun begitu gunakan kuasa pujukan yang berasas untuk melembutkan hatinya. Setelah itu beri masa untuk anak memberi kemaafan.

14 SINARI NILAI MURNI
KADANG-KALANG anak-anak sukar untuk memaafkan kerana mereka acap kali memikirkan diri sendiri. Melembutkan hati anak-anak, cuba sekali-sekala bawa anak melihat dunia yang sering 'mencurahkan' banjaran pengajaran. Kunjungi rumah orang-orang tua, anak yatim, melihat gelandangan atau berbuallah dengan anak tentang kesusahan orang lain. Percayalah secara tidak langsung aktiviti ini membentuk anak menjadi insan penuh rasa simpati dan empati termasuk sikap memaafkan seseorang.

17 MELIHAT SUDUT PANDANGAN BARU
MENCUBA anak untuk melihat sesuatu peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka dalam sudut pandangan berbeza. Sebagai contoh, jika mainan seorang kanak-kanak dirampas oleh rakannya, terangkan perasaan yang di alami anak kecil itu agar anak anda turut memahaminya. Tanyakan adakah mereka juga suka diperlakukan demikian? Sekiranya situasi ini terjadi tanpa sengaja, memohon maaf dan memaafkan adalah solusi terbaik yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi kemelut ini.